



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2017**

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2017**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

| BIL. | KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|-------------|----------------------|-------------------|
| 1. | Tujuan | 1 |
| 2. | Pelaksanaan | 2 |
| 3. | Hal-Hal Lain | 3 |
| 4. | Tarikh Berkuat kuasa | 3 |
| 5. | Penutup | 3 |



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2017**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri dan Cawangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2017**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2017 oleh Kementerian/ Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun kewangan 2017.
- 1.2 **Tarikh akhir Bayaran** bagi perbelanjaan tahun **2017** adalah pada 15 Disember 2017 atau jika perbelanjaan tahun 2017 mencecah defisit fiskal 3.0% yang mana terdahulu dan **tiada tempoh Akaun Kena Bayar** selaras dengan surat Kementerian Kewangan rujukan KK/BPB/S(29.00)202/2-40 Jld.3(35) bertarikh 15 November 2017.

2. PELAKSANAAN

2.1 TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN

Tarikh akhir penyerahan dokumen kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2017 telah ditetapkan seperti berikut:

| BULAN | JENIS DOKUMEN KEWANGAN | TARIKH AKHIR |
|------------------|------------------------|------------------------------|
| Disember 2017 | Baucar Bayaran Manual | 6 Disember 2017 (Rabu) |
| | Dokumen Kewangan eSPKB | 8 Disember 2017 (Jumaat) |
| | Baucar Bayaran (kuri) | 13 Disember 2017 (Rabu) |
| | Baucar Jurnal | 15 Disember 2017 (Jumaat) |
| | Waran Peruntukan Kecil | 27 Disember 2017 (Rabu) |
| | Penyata Pemungut | 29 Disember 2017 (Jumaat) |
| Januari 2018 | Penyata Pemungut (CIT) | 5 Januari 2018 (Jumaat) |

2.2 PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN SELEPAS TARIKH YANG DITETAPKAN

Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/ bekalan yang diterima dalam tahun 2017 tetapi tidak sempat dikemukakan bayarannya pada tarikh yang telah ditetapkan maka bayaran berkenaan perlu menggunakan peruntukan Vot tahun 2018 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Bagi bayaran sedemikian, kelulusan pembayaran hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pejabat Perakaunan masing-masing.

3. HAL-HAL LAIN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Kementerian/ Jabatan dan Pejabat Perakaunan boleh merujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
Putrajaya
u/p: Unit Pengurusan Prestasi
emel : unit_prestasi@anm.gov.my
No. Telefon : 03-8882 1624/1612/1622/1611

4. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh dikeluarkan.

5. PENUTUP

Semua Kementerian/ Jabatan diminta untuk merancang dengan teliti pengurusan kewangan bagi memastikan penyerahan dokumen kewangan dan semua urusan pemprosesan waran peruntukan, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2017 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SAAT BIN ESA c.A.(M))

Akauntan Negara Malaysia

20 November 2017

s.k:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Semua Pegawai Kewangan Negeri

Semua Akauntan/ Bendahari Negeri

Semua Badan Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan